



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN EKONOMI

MINGGU EKONOMI DAN KEWANGAN AWAM (MEKA) 2025: MEMPERKUKUH AGENDA RMK13 MELALUI PENGLIBATAN PENJAWAT AWAM, AKADEMIA DAN PIHAK SWASTA

Minggu Ekonomi dan Kewangan Awam (MEKA) 2025 telah dirasmikan hari ini oleh **YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II** memangku **Menteri Ekonomi** di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

Persidangan ini telah berjaya menghimpunkan lebih daripada **700 peserta** yang terdiri daripada penjawat awam di semua peringkat sama ada kementerian, negeri dan pihak berkuasa tempatan, wakil akademik dan sektor swasta.

Dalam ucapan perasmianya, YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata MEKA 2025 memberi tumpuan kepada Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang bertemakan “*Melakar Semula Pembangunan*” merupakan platform penting untuk **memperkukuh kefahaman kepada penjawat awam, wakil akademik dan sektor swasta terhadap intipati dan hala tuju dasar negara bagi tempoh 2026 hingga 2030.**

Katanya lagi, “ Melalui penetapan hala tuju dan strategi yang tepat, kita mampu mencapai kejayaan cemerlang dengan syarat semua pihak berganding bahu, bekerjasama sebagai satu entiti yang utuh, serta tidak *silo* dalam melaksanakan perancangan yang diatur terutamanya bagi inisiatif yang merentasi kementerian”.

Persidangan selama 2 hari ini akan menampilkan lebih 15 orang tokoh pembuat dasar daripada Kerajaan, wakil universiti, industri dan Organisasi Masyarakat Sipil (CSO) dalam 5 forum untuk mengupas dengan lebih mendalam mengenai kandungan utama di dalam RMK13 iaitu; **meningkatkan kerencaman ekonomi, Negara berteraskan AI, memperkukuh tatakelola baik, meningkatkan mobiliti sosial dan kesejahteraan rakyat.**

Pencapaian Semasa Sosioekonomi Negara

Sepanjang dua tahun pelaksanaan Ekonomi MADANI, Malaysia terus mencatatkan perkembangan positif meskipun berdepan cabaran global:

- **Pertumbuhan Ekonomi:** KDNK meningkat 4.4% pada separuh pertama 2025, dengan unjuran pertumbuhan purata 5.0% setahun bagi tempoh 2021–2025.
- **Perdagangan & Imbangan Pembayaran:** Nilai perdagangan negara mencecah RM1.46 trilion, dengan lebih akaun semasa RM17 bilion.
- **Inflasi Terkawal:** Kadar inflasi menyederhana kepada 1.3% pada Ogos 2025 berbanding 1.9% pada tahun sebelumnya.
- **Pasaran Buruh Kukuh:** Kadar pengangguran menurun kepada 3.0%, mengekalkan guna tenaga penuh.
- **Pendapatan Isi Rumah:** Purata pendapatan bulanan isi rumah meningkat kepada RM9,155 pada 2024 berbanding RM7,901 pada 2019.

Pencapaian ini menjadi asas kukuh kepada Belanjawan 2026 yang bakal dibentangkan pada 10 Oktober 2025, sebagai belanjawan pertama mendokong pelaksanaan RMK13.

Komitmen Bersama

Kerajaan menegaskan bahawa kejayaan RMK13 bergantung kepada kerjasama erat antara semua pihak – penjawat awam, kerajaan negeri, sektor swasta, akademik, organisasi masyarakat sivil dan rakyat keseluruhannya.

Penjawat awam khususnya digesa menghayati semangat RMK13 dan mengamalkan tatakelola terbaik bagi memastikan RMK13 memberi manfaat kepada seluruh lapisan masyarakat tanpa ada golongan yang tercicir daripada menikmati manfaat pelaksanaan dalam tempoh lima tahun mendatang.

Penutup

Penganjuran MEKA 2025 dengan kerjasama INTAN dan Kementerian Ekonomi diharap menjadi platform penting untuk menjayakan strategi dan inisiatif RMK13 yang akan diterjemahkan bermula dalam Belanjawan 2026 dan seterusnya demi mengangkat martabat rakyat dan kedaulatan negara di persada dunia.

Program MEKA akan diteruskan ke INTAN Wilayah Selatan, Timur, Utara, Sabah dan Sarawak bagi memberikan liputan yang menyeluruh kepada semua penjawat awam di peringkat negeri dan pihak berkuasa tempatan secara keseluruhan.

Kementerian Ekonomi

Putrajaya

30 September 2025